



■ MENTERI Pelajaran, Datuk Musa Hitam (kanan) berbual dengan Sultan Johor (berbaju bintik) semasa beliau mengunjungi istana Sultan di Johor Bahru, semalam.

Datuk Musa menghabiskan masanya tiga jam dengan keluarga Diraja Johor di Istana Bukit Iskandar itu. Beliau mengunjungi Sultan atas jawatannya sebagai Menteri Pelajaran dan Anak Johor.

Datuk Musa berkata, beliau mematuhi dan menghormati nasihat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai pertandingan jawatan di perhimpunan agung UMNO Jun ini. — Gambar Berita Harian.

Musa: Saya akan keluar kenyataan beberapa hari lagi

JOHOR BAHRU, Selasa — Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam akan membuat kenyataan 'dalam beberapa hari lagi' menerangkan keputusannya bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO, 26 Jun ini.

Datuk Musa memberitahu pemberita-pemberita, "pada saat ini (jam 3 petang) saya hanya bertanding untuk

jawatan Timbalan Presiden."

Kertas pencalonan beliau diserahkan di Ibu pejabat UMNO Kuala Lumpur oleh Setiausaha Politikanya, Encik Ajib Ahmad.

Beliau enggan mengulas lebih lanjut.

"Saya tidak mahu bercakap apa-apa mengenai pencalonan, tetapi saya akan membuat kenyataan sepenuhnya mengenai keputusan saya menan-

dungi jawatan tersebut, beberapa hari lagi," katanya.

Terdahulu, Datuk Musa mengadap Sultan Johor, di mana beliau menghabiskan masa tiga jam dengan keluarga diraja Johor di Istana Bukit Iskandar.

Datuk Musa mengadap Sultan Johor dalam kedudukannya sebagai Menteri Pelajaran dan Anak Johor.

Patuh

"Saya mematuhi nasihat yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed. Nasihatnya saya hormati," kata beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Timbalan Presiden UMNO menasihatkan calon-calon yang bertanding dalam pilihanraya UMNO dan pengikut-pengikutnya jangan menggunakan isu peribadi dan membuat kenyataan umum yang mungkin akan disalahgunakan oleh parti pembangkang.

Berucap di Kuala Lumpur semalam, Datuk Seri Dr. Mahathir menasihatkan semua calon yang bertanding dalam pemilihan pucuk pimpinan mengendurkan kegiatan berkempen mulai sekarang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia